



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 6486
E-mel : ukk@kpdn.gov.my

EMPAT INISIATIF UTAMA SSM 2026 PERKUKUH PEMATUHAN KORPORAT DAN PACU PERTUMBUHAN PMKS

Sejak penubuhannya pada 16 April 2002, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), terus komited melaksanakan mandatnya sebagai pendaftar dan pengawal selia korporat negara.

Komitmen ini dizahirkan melalui usaha berterusan memperkukuh kerangka perundangan korporat negara, termasuk pelaksanaan dua pindaan utama iaitu Akta Syarikat (Pindaan) 2024 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024. Usaha ini selari dengan visi SSM sebagai 'Peneraju dalam Memperkasa Ekosistem Perniagaan yang Dipercayai, Cekap dan Lestari'.

Seiring dengan aspirasi tersebut, KPDN melalui SSM memperkenalkan empat inisiatif utama bagi tahun 2026 yang memberi tumpuan kepada peningkatan tahap pematuhan korporat serta pengurangan bebanan kepada komuniti perniagaan, khususnya perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

1. Klinik Pematuhan dan Kempen Pemulihan Dokumen Statutori

Inisiatif pertama ialah pelaksanaan Klinik Pematuhan dan Kempen Pemulihan Serah Simpan Dokumen Statutori bagi membantu syarikat yang menghadapi kesukaran memenuhi kewajipan di bawah Akta Syarikat 2016.

Melalui inisiatif ini, syarikat berpeluang mendapatkan khidmat nasihat secara langsung daripada pegawai SSM serta melaksanakan tindakan pemulihan terhadap dokumen statutori yang tertunggak seperti Penyata

Tahunan (PT), Penyata Kewangan (PK) dan Maklumat Pemunyaan Benefisial (PB).

Sebagai sebahagian daripada pendekatan pemulihan yang lebih komprehensif, kempen ini akan berlangsung dari 16 April 2026 hingga 30 September 2026 dengan kemudahan berikut:

- Tempoh 3 bulan untuk serah simpan PT dan PB tertunggak;
- Tempoh 6 bulan untuk serah simpan PK tertunggak; dan
- Tempoh 3 bulan untuk memohon pemotongan nama syarikat tidak aktif.

Selain itu, syarikat yang menyertai kempen ini turut berpeluang menikmati pengecualian tindakan pendakwaan dalam tempoh tertentu, pengecualian kompaun bagi kesalahan yang belum dikompaun serta pengurangan kompaun bagi kesalahan tertentu.

2. Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P)

Inisiatif kedua adalah penerusan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P) yang menyediakan pendaftaran perniagaan secara percuma kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Melalui skim ini, golongan OKU bukan sahaja menerima manfaat pendaftaran perniagaan secara percuma, malah turut menikmati pembaharuan pendaftaran secara percuma setiap tahun. Pendekatan ini membantu mengurangkan beban kos pematuhan serta menggalakkan penyertaan lebih inklusif dalam aktiviti keusahawanan.

3. Pelanjutan Tempoh Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP)

Seterusnya, SSM melanjutkan tempoh pendaftaran Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP) daripada satu tahun kepada dua tahun.

Inisiatif ini memberi peluang kepada usahawan daripada kumpulan B40 serta pelajar sepenuh masa di IPTA/IPTS, Politeknik dan institusi kemahiran untuk mendaftarkan perniagaan secara percuma di bawah

Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, sekali gus menyokong kelestarian dan pertumbuhan PMKS.

4. Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma Warga Emas (SPPWE)

Sebagai langkah memperluas penyertaan ekonomi secara inklusif, SSM turut memperkenalkan Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma Warga Emas (SPPWE) sebagai kategori baharu di bawah SPPP.

Skim ini menawarkan pendaftaran perniagaan secara percuma bagi tahun pertama kepada warga emas, sekali gus membuka peluang kepada golongan ini untuk menjana pendapatan dan terus aktif menyumbang kepada ekonomi negara.

Inisiatif ini juga selari dengan keperluan negara dalam menghadapi cabaran menuju ke arah negara menua (ageing nation). Data Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa peratusan penduduk berumur 65 tahun ke atas meningkat kepada sekitar 8% pada tahun 2025 dan dijangka melebihi 15% menjelang tahun 2030.

Pelaksanaan bagi inisiatif pertama dan kedua akan bermula pada 16 April 2026, manakala inisiatif ketiga dan keempat akan berkuat kuasa mulai 1 Jun 2026.

Sehubungan itu, SSM menyeru para usahawan dan komuniti korporat untuk memanfaatkan sepenuhnya peluang yang disediakan melalui inisiatif-inisiatif ini dalam memastikan pematuhan berterusan terhadap undang-undang, seterusnya menyumbang kepada persekitaran perniagaan domestik yang lebih berdaya saing, mampan dan inklusif.

YB SENATOR DATUK DR. HAJAH FUZIAH SALLEH

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

UKM Bangi
2 April 2026

